



i-WIN LIBRARY

INTERNATIONAL
WAQAF ILMU NUSANTARA
LIBRARY

waqafilmunusantara.com
admin@waqafilmunusantara.com

i-WIN Library

Perpustakaan Internasional Waqaf Ilmu Nusantara

Office: Centre for Policy Research and International Studies (CenPRIS)

Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia 11800

E-mail: secretariat.alamnusantara@gmail.com

admin@waqafilmunusantara.com

Visit us at: <https://www.waqafilmunusantara.com>

Title : Analisis Lagu P Ramlee ‘Senyap dan Sunyi’ Tahun 1953

Menggunapakai Ubah Alfa dari Noam Chomsky

Author(s) : Mansurni Abadi

Institution : Universiti Kebangsaan Malaysia

Category : Article, Competition

Topics : Literature

ANALISIS LAGU P RAMLEE ‘SENYAP DAN SUNYI’ TAHUN 1953 MENGGUNAPAKAI UBAH ALFA DARI NOAM CHOMSKY

MANSURNI ABADI

INSTITUT KAJIAN ETNIK UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1.Teorи Kuasan dan tambatan sebagai basis analisis

Teori Kuasaan dan Tambatan (KT) yang telah diperkenalkan oleh Chomsky pada tahun 1981 ini merupakan sebuah teori yang dibentuk atas dasar untuk menggantikan rumus struktur frasa atau dikenali sebagai (RSF) yang mempunyai banyak kekurangan dan kelompongan sehingga telah menerima kritikan daripada ahli linguistik yang lain (Aguirre Rojas, 2021).

Antara kekurangan dalam RSF adalah kerana tidak bersifat universal dan boleh menghasilkan ayat yang tidak gramatis kerana unsur konstituen boleh berlaku sewenang-wenangnya dalam ayat. Kemudian, di bawah teori Kuasaan dan Tambatan ini juga ada menerangkan tentang subteori-subteori yang lain seperti teori kasus, teori theta, teori X-bar berpalang, dan teori Ubah Alfa. Oleh itu, pengenalan teori Kuasaan dan Tambatan (KT) ini telah memberi satu perubahan besar dalam bidang Sintaksis (Chierchia, 2016),

Rumus Ubah Alfa menurut Mashudi Kader (2009) adalah merujuk kepada perubahan konstituen dari satu kedudukan ke kedudukan yang lain dalam suatu rajah yang dipanggil sebagai rajah pohon. Manakala Ramli Md.Salleh (1994) pula mengatakan bahawa operasi Ubah Alfa dikawal oleh suatu prinsip supaya ayat yang dihasilkan akan menjadi satu ayat yang gramatis.

Prinsip yang dimaksudkan ini ialah *subjacency* (Kluender & Kutat, 1993) yang dikenakan kepada ubah alfa yang bersifat universal. Universal ini memberi maksud bahawa semua bahasa ini mempunyai set rumus yang sama. Prinsip itu juga menerangkan bahawa unsur konstituen haruslah berada bersebelahan dalam ayat untuk membolehkan proses penandaan kasus dapat dilakukan dengan mudah dalam sesuatu ayat yang terhasil.

Selain itu, antara syarat dalam rumus Ubah Alfa ini adalah satu konstituen ayat yang menjalani ubah alfa tidak boleh diubah melangkaui lebih daripada satu nodus dalam setiap rumus yang diaplikasikan. Pergerakan tersebut akan dikira terbatal dan tidak dapat diterima kerana ayat yang dihasilkan akan menjadi tidak gramatis adalah apabila pergerakan tersebut melangkaui lebih daripada satu nodus dalam sesuatu ayat (Johnson & Newport, 1991).

Kemudian, pergerakan itu juga hanya akan berlaku daripada posisi kanan ke kiri untuk struktur ayat yang mempunyai SVO iaitu *subject-verb-object*. Antara syarat lain dalam rumus Ubah Alfa ini adalah hanya kepala ke kepala yang boleh bercantum ke kepala yang lebih tinggi sahaja,

projeksi maksimal juga boleh bergerak ke kepala, dan pecahan ranting tidak dibenarkan untuk kata kerja transitif.

Seterusnya, Teori Perubahan yang dibawa oleh Chomsky pada tahun 1986 (Beckwith & Rispoli, 1986) telah menetapkan bahawa terdapat empat syarat pergerakan ubah-alfa yang perlu diberi perhatian iaitu tiada perubahan ke posisi komplemen kerana hanya projeksi maksimal sahaja yang boleh berubah ke posisi kepala, hanya projeksi maksimal sahaja yang boleh berubah ke posisi spesifier, dan hanya projeksi maksimal dan minimal (X' dan X'') sahaja yang boleh mengalami rumus ubah alfa ini(Nomoto et al., 2011). Oleh itu, dapat dijelaskan bahawa rumus ini tidak menerima sebarang pergerakan dari kiri ke kanan kerana semua pergerakan hanya berlaku dari posisi kanan ke kiri kerana jika pergerakan nodus ini berlaku dalam keadaan yang tidak tepat maka, ayat yang diterbitkan atau yang mengalami transformasi itu akan menjadi ayat yang tidak gramatis walaupun makna ayatnya dapat diterima secara logik akal (Beckwith & Rispoli, 1986; Johnson & Newport, 1991).

Dalam meneliti persoalan tentang teori Kuasaan dan Tambatan (KT) atau teori ubah alfa ini, satu analisis ayat akan dilakukan berdasarkan lirik lagu Senyap dan Sunyi yang telah didendangkan oleh P.Ramlee. Tujuan analisis lagu ini dibuat adalah untuk mengenal pasti ayat-ayat atau rangkap lirik yang mengalami transformasi serta ayat yang dapat ditransformasikan mengikut syarat-syarat teori ubah alfa yang telah ditetapkan oleh Chomsky.

2. Tentang P.Ramlee

Teuku Zakaria bin Teuku Nyak Puteh atau lebih dikenali sebagai P.Ramlee merupakan seorang penyanyi, pelakon, pengarah, pemuzik dan penulis lagu berbangsa Melayu yang berasal dari Pulau Pinang, Malaysia (Uhde, 2015) . Beliau dilahirkan pada 22 Mac 1929 dan meninggal dunia pada 29 Mei 1973. Beliau turut digelar sebagai Seniman Agung Negara kerana jasanya yang amat besar dalam industri hiburan terutamanya di rantau Asia Tenggara. Beliau pernah mendapat pengiktirafan antarabangsa seperti Best Male Lead Role (Festival Filem Asia ke-4, Tokyo) dan Most Versatile Talent (Festival Filem Asia ke-10, Tokyo). Beliau juga berjaya menghasilkan sebanyak 401 buah lagu dan 66 buah filem sepanjang hayatnya(Muhammad Nur Akmal Rosli & Rohaidah Kamaruddin, 2018).

Pada tahun 1951, lagu-lagu P.Ramlee mula direkodkan di dalam piring hitam dan kebanyakan lagu adalah daripada filem-filem lakonannya sendiri.(Ahmad, 2014). Lagu Senyap dan Sunyi ini pula merupakan lagu ciptaan dan gubah oleh P.Ramlee serta dinyanyikan oleh P.Ramlee sendiri. Kemudian, lagu ini turut menjadi OST dalam filem klasik Melayu yang bertajuk Siapa Salah oleh B.N. Rao sebagai pengarahnnya pada tahun 1953 (Muhammad Nur Akmal Rosli & Rohaidah Kamaruddin, 2018). Berdasarkan penelitian rangkap demi rangkap dalam lirik lagu ini, penulis hanya menjumpai dua contoh lirik yang mengalami transformasi iaitu dalam rangkap ayat ‘terkenang nasib sendiri’ dan ‘kalaualah aku boleh memandang’.

LIRIK LAGU

Senyap dan sunyi
Tabir malam menyelimuti
Isi alam dilamun mimpi
Terkenang nasib sendiri
Nak memandang tak daya lagi
Ku pandang kiri, ku pandang kanan
Hitam gelap yang kelihatan
Cantik molek putih dan hitam
Sama saja tiada beza sebarang ragam
Alam nan luas
Banyak gunung dan banyak jurang
Wahai anak, dan banyak jurang
Gunung tinggi engkau daki
Jurang dalam engkau jauhi
Kalaulah aku boleh memandang
Aku pandu engkau berjuang
Kalaulah besar anakku sayang
Sesal ayah kerana tidak dapat memandang

3.Pembahasan

A. terkenang nasib sendiri.

Lirik ini telah mengalami proses transformasi pada struktur luarannya. Namun begitu, hanya berlaku proses pengguguran sahaja di dalam lirik tersebut. Hal ini demikian kerana pengkaji telah mengandaikan bahawa ayat pada struktur dalamannya adalah seperti aku terkenang nasib tersendiri. Berdasarkan ayat itu, dapat dilihat bahawa proses transformasinya berlaku apabila ayat tersebut mengalami pengguguran kata nama subjek. Proses pengguguran itu berlaku adalah seperti berikut:

Struktur Dalaman: [[Aku]^N” [[terkenang]^{KO} [nasib sendiri]^{N”’I’I”’}].

Proses Transformasi: [[\otimes] [terkenang]^{Ko} [nasib sendiri]^{N''I'I''}].

Struktur Luaran: terkenang nasib sendiri.

Berdasarkan proses transformasi yang ditunjukkan seperti di atas, setiap unsur ayat itu mempunyai golongan kata yang berbeza. Sebagai contoh perkataan aku itu adalah daripada golongan kata nama. Manakala perkataan terkenang pula daripada golongan kata kerja dan nasib sendiri daripada golongan frasa nama yang berada pada posisi predikat dalam ayat tersebut. Kemudian, proses transformasi itu berlaku apabila frasa nama yang berada di posisi subjek di dalam ayat pada struktur luarannya telah digugurkan dalam lirik lagu ini.

Prinsip ubah alfa akan digunakan dalam ujian untuk menunjukkan bahawa lirik tersebut menghasilkan ayat yang gramatis atau tidak. Hal ini demikian kerana dalam prinsip ubah alfa terdapat beberapa syarat yang harus dipatuhi dalam menentukan proses transformasi ayat itu sempurna dan ayat yang terhasil itu gramatis dan dapat diterima secara logik akal. Contohnya, pergerakan nodus haruslah bergerak dari kanan ke kiri, pergerakan nodus juga tidak boleh melangkaui satu nodus dan rumus ubah alfa ini hanya boleh berlaku pada projeksi maksimal dan minimal sahaja. Kemudian, projeksi maksimal juga boleh bergerak ke arah kepala, kepala dan kepala pula boleh dicantum ke arah kepala yang lebih tinggi dalam konstituen ayat serta tidak boleh dipecahkan ranting sewenang-wenangnya untuk kata kerja transitif.

Namun begitu, dalam ayat ini tiada pergerakan nodus yang berlaku kerana ayat ini hanya mengalami proses pengguguran di posisi subjek sahaja. Oleh itu, dapat dibuktikan bahawa ayat tersebut telah mengalami proses transformasi dari struktur dalaman ke luaran iaitu daripada ayat *aku terkenang nasib sendiri* pada struktur dalaman dan telah berubah menjadi ayat *terkenang nasib sendiri* pada struktur luarannya. Ayat ini juga telah mengalami proses pengguguran frasa nama di posisi subjek.

2) kalaolah aku boleh memandang.

Seterusnya, lirik kedua ini juga telah mengalami proses transformasi pada struktur luarannya. Namun begitu, hanya berlaku proses pengguguran sahaja di dalam lirik tersebut. Hal ini demikian kerana pengkaji telah mengandaikan bahawa ayat pada struktur dalamannya adalah seperti kalaolah aku boleh memandang engkau. Berdasarkan ayat itu, dapat dilihat bahawa proses transformasinya berlaku apabila ayat tersebut mengalami pengguguran frasa nama yang mengikuti kata kerja transitif iaitu bagi kata kerja transitif memandang dalam ayat tersebut. Proses pengguguran itu berlaku adalah seperti berikut:

Struktur Dalaman: [[kalaolah aku]^N” [[boleh]^{KKB} [[memandang]^{K^o} [engkau]^{N^o}]^K”]^I”]^I”.

Proses Transformasi: [[kalaolah aku]^N” [[boleh]^{KKB} [[memandang]^{K^o} []]^K”]^I”]^I”.

Struktur Luaran: kalaolah aku boleh memandang.

Berdasarkan proses transformasi yang ditunjukkan seperti di atas, setiap unsur ayat itu mempunyai golongan kata yang berbeza. Sebagai contoh perkataan kalaolah aku adalah daripada golongan frasa nama. Manakala, perkataan boleh itu daripada golongan kata bantu dan perkataan memandang engkau pula adalah daripada golongan frasa kerja. Kemudian, proses transformasi itu berlaku apabila frasa nama objek yang mengikuti kata kerja transitif iaitu bagi kata kerja transitif memandang dalam ayat tersebut digugurkan dalam lirik lagu ini.

Prinsip ubah alfa akan digunakan dalam ujian untuk menunjukkan bahawa lirik tersebut menghasilkan ayat yang gramatis atau tidak. Hal ini demikian kerana dalam prinsip ubah alfa terdapat beberapa syarat yang harus dipatuhi dalam menentukan proses transformasi ayat itu sempurna dan ayat yang terhasil itu gramatis dan dapat diterima secara logik akal. Contohnya, pergerakan nodus haruslah bergerak dari kanan ke kiri, pergerakan nodus juga tidak boleh melangkaui satu nodus dan rumus ubah alfa ini hanya boleh berlaku pada projeksi maksimal dan minimal sahaja. Kemudian, projeksi maksimal juga boleh bergerak ke arah kepala, kepala dan kepala pula boleh dicantum ke arah kepala yang lebih tinggi dalam konstituen ayat serta tidak boleh dipecahkan ranting sewenang-wenangnya untuk kata kerja transitif.

Namun begitu, dalam ayat ini tiada pergerakan nodus yang berlaku kerana ayat ini hanya mengalami proses pengguguran frasa nama di posisi predikat sahaja iaitu selepas kata kerja transitif. Oleh itu, dapat dibuktikan bahawa ayat tersebut telah mengalami proses transformasi dari struktur dalaman ke luaran iaitu daripada ayat *kalaolah aku boleh memandang engkau* pada struktur dalaman dan telah berubah menjadi ayat *kalaolah aku boleh memandang* pada struktur luarannya. Ayat ini juga telah mengalami proses pengguguran frasa nama objek pada posisi predikat iaitu selepas kata kerja transitif memandang dalam lirik lagu tersebut.

4.Kesimpulan

Kesimpulannya, pengkaji telah menjumpai dua ayat yang boleh dianalisis dengan menggunakan teori ubah alfa. Analisis ubah alfa ini telah didasari oleh kerangka Teori Kuasaan dan Tambatan (KT) yang dipelopori oleh Naom Chomsky setelah Rumus Struktur Frasa (RSF) telah didapati mempunyai kekurangan dan kelompongan. Analisis

lirik lagu ini telah dibuat berpaksikan kepada syarat-syarat ubah alfa yang telah diperkenalkan oleh Chomsky. Seterusnya, syarat-syarat ubah alfa itu juga telah banyak membantu para ahli bahasa dan linguistik untuk membuat penentuan dalam menganalisis ayat-ayat dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, harus diingatkan bahawa terdapat banyak lagi subteori-subteori lain yang wujud dan diperkenalkan dalam teori kuasaan dan tambatan ini. Oleh itu, kewujudan teori dan prinsip ini sangatlah penting atas tujuan untuk membantu menyelesaikan masalah dalam menganalisis ayat-ayat yang mudah mahupun ayat yang bersifat kompleks khusunya ayat dalam bahasa Melayu.

Daftar pustaka

- Aguirre Rojas, C. A. (2021). Theory of Power. In *Theory of Power*.
<https://doi.org/10.3726/b18279>
- Ahmad, A. T. (2014). Museums, history and culture in Malaysia. In *Museums, History and Culture in Malaysia*. <https://doi.org/10.1080/1743873x.2016.1179871>
- Beckwith, R., & Rispoli, M. (1986). Aspects of a theory of mind: An interview with Noam Chomsky. *New Ideas in Psychology*, 4(2). [https://doi.org/10.1016/0732-118X\(86\)90008-5](https://doi.org/10.1016/0732-118X(86)90008-5)
- Chierchia, G. (2016). 6. Language, Thought, and Reality After Chomsky. In *Chomsky Notebook*.
<https://doi.org/10.7312/bric14474-007>
- Johnson, J. S., & Newport, E. L. (1991). Critical period effects on universal properties of language: The status of subjacency in the acquisition of a second language. *Cognition*, 39(3). [https://doi.org/10.1016/0010-0277\(91\)90054-8](https://doi.org/10.1016/0010-0277(91)90054-8)
- Kader, M. (2009). Some aspects of seventeenth century Malay via Thomas Bowrey's Bilingual dictionary, published in 1701. *Kemanusiaan*, 16.
- Kluender, R., & Kutat, M. (1993). Subjacency as a processing phenomenon. *Language and Cognitive Processes*, 8(4). <https://doi.org/10.1080/01690969308407588>
- Muhammad Nur Akmal Rosli, & Rohaidah Kamaruddin. (2018). Perbezaan Budaya dalam Terjemahan Lagu-Lagu P. Ramlee The Culture Differences in P.Ramlee's Songs Interpretation. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(2).
- Nomoto, H., Hiroki Nomoto, & Nomoto, H. (2011). Teori tambatan dalam bahasa Melayu. *Toukyou Gaidai Tounan'ajiagaku*.
- Uhde, J. (2015). P. Ramlee and Neorealism. *Kinema: A Journal for Film and Audiovisual Media*.
<https://doi.org/10.15353/kinema.vi.1323>

